

06 SEP 1997

MAHATHIR: PEKERJA AMAL PATUT CONTOHI MOTHER TERESA

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Mother Teresa merupakan contoh apa sebenarnya yang dikatakan berbakti tanpa mementingkan diri.

"... Saya harap beliau boleh menjadi contoh kepada semua pekerja amal dan dermawan," katanya kepada pemberita pada persidangan berita di akhir hari kedua perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Rahib Roman Katolik berusia 87 tahun itu meninggal dunia di ibu pejabat Missionaries of Charity di Calcutta semalam selepas diserang sakit jantung.

"Kita berasa sedih dengan kematiannya kerana semasa riwayatnya beliau telah banyak melakukan kebajikan," katanya. -- BERNAMA

HS RON